

BUAT PELBAGAI KAJIAN

► **Saranan Shafie kepada UMS terhadap sistem pengangkutan di Sabah**

UB 22.7.2018 AJ

Oleh YAP SIONG HAN


KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) disarankan untuk melakukan kajian terhadap sistem pengangkutan bagi merapatkan darjah ketersampaian di dalam negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, kajian itu bukan sahaja pengangkutan udara tetapi juga kereta api agar kebolehsampaian ke sesuatu destinasi dalam negeri ini mampu dicapai oleh semua masyarakat.

“Sekiranya dapat kita jayakan perkara ini, sudah pasti Sabah akan menjadi tumpuan utama di rantau ini memandangkan kita terletak di kawasan strategik di antara negara seperti Jepun, China, Filipina, Vietnam dan Hong Kong.

“Langkah awal diambil UMS untuk mengadakan kerjasama dengan MASwings secara tidak langsung mampu membantu memajukan sektor pelancongan dalam negeri ini,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Pelancaran Moto dan Logo UMS pada Pesawat MASwings, di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, kerjasama di antara dua pihak itu



SHAFIE (tiga kanan) ketika dalam majlis pelancaran itu.

bukan sahaja bijak tetapi mampu membantu menarik lebih ramai penumpang tempatan dan pelancong luar untuk menggunakan perkhidmatan MASwings di sini.

Katanya, kerajaan akan berusaha mempertingkatkan usaha mewujudkan lebih banyak produk pelancongan tempatan agar Sabah terus

menjadi salah sebuah negeri tarikan pelancong di seluruh dunia.

Dalam pada itu, cadangan membuka semula Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK2) oleh syarikat penerbangan tambang murah Air Asia diterima baik.

Shafie yang juga Menteri

Kewangan berkata, pihak Air Asia sanggup melabur jutaan ringgit dalam LTAKK2 untuk beberapa tahun akan datang.

“Untuk jangka pendek ia boleh diterima tetapi dalam jangka panjang kerajaan juga mempunyai rancangan untuk memindahkan lapangan terbang ini ke kawasan Papar Kimanis.

“Itu perkara yang mereka perlu pertimbangkan, bagaimanapun mereka sanggup melabur duit kerana yakin pulangan menguntungkan,” katanya.

Dalam isu berlainan, Shafie menyifatkan kenyataan yang ingin menjadikan Sabah sebagai sebahagian daripada Filipina tidak seharusnya timbul.